

# 15 tahun dihantui banjir

**Simpang Renggam:** Banjir yang berlaku di Kampung Kolam Air, di sini, kelmarin, bukan sesuatu yang baru kerana masalah itu sering menghantui penduduk sejak tahun 2000 terutama ketika musim tengkujuh.

Penduduk, Khatijah Jaafar, 76, berkata, sejak tinggal di kampung itu kira-kira 35 tahun lalu, banjir bagaikan satu perkara yang pasti akan dihadapi oleh mereka apabila hujan lebat dan ia semakin teruk sejak 15 tahun lalu.

Katanya, keadaan itu menyebabkan mereka bagaikan sudah lali dengan kejadian terbabit walaupun pelbagai desakan kepada pihak ber-

kaitan dilakukan untuk menaik taraf Sungai Benut yang menjadi punca bencana alam berkenaan.

"Jika tiada sebarang usaha menaik taraf Sungai Benut dilakukan, banjir akan terus berlaku dan penduduk terus menghadapi kerugian harta benda dan tenaga.

"Sebagai penduduk di sini, kami mahu tindakan segera dapat dilakukan supaya banjir tidak terus berlaku," katanya.

Seorang lagi penduduk, Mohd Isa Abu Bakar, 65, berkata, walaupun rumahnya terselamat kerana berada di kawasan tinggi, namun dia tetap membuat persiapan berpindah sekiranya air su-

ngai terus naik.

Sementara itu, Ahli Parlimen Simpang Renggam Datuk Liang Teck Meng yang turun padang menemui mangsa banjir berkata, pihaknya sudah merangka pelbagai rancangan termasuk untuk memindahkan penduduk ke satu kawasan yang lebih selamat.

"Namun, sehingga kini ia masih belum dapat dilakukan kerana tiada kawasan sesuai untuk mereka ditempatkan selain memerlukan persetujuan penduduk yang tinggal lama di sini.

"Kerajaan akan terus mengusahakan satu jalan penyelesaian khususnya membabitkan naik taraf Sungai Benut bagi membendung kejadian ini daripada terus berulang," katanya.

**FAKTA**  
Tiada kawasan  
sesuai untuk  
menempatkan  
mangsa banjir



LIANG (dua dari kanan) meninjau keadaan banjir di Kampung Kolam Air, Simpang Renggam.